

1. KUTIPAN DUTI KASTAM BAGI KENDERAAN IMPORT DI PULAU BEBAS CUKAI

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kementerian Kewangan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertanggungjawab untuk mentadbir hasil cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, duti eksais, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi pelepasan dan levi kenderaan. JKDM juga bertanggungjawab untuk memastikan tiada kebocoran hasil negara berlaku disebabkan aktiviti penyeludupan sama ada melalui laut, darat atau udara.

1.2. Kenderaan import baharu dan terpakai yang dibawa masuk ke Malaysia sama ada melalui darat, laut, udara atau dengan apa-apa cara lain akan dikenakan duti kastam. Dut kastam terdiri daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan import. Terdapat empat jenis pengimportan kenderaan, iaitu kenderaan untuk perdagangan, persendirian, kenderaan yang diimport dari Pulau Bebas Cukai (PBC), iaitu Pulau Langkawi dan Pulau Labuan serta kenderaan yang dibawa masuk ke Malaysia oleh Perwakilan Diplomatik.

1.3. Bagi tahun 2021, duti kastam terhadap kenderaan import di PBC menyumbang sebanyak RM353.36 juta atau 6.2% daripada pungutan duti kastam bagi kenderaan import yang berjumlah RM5.710 bilion seperti dalam **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
PUNGUTAN DUTI KASTAM KENDERAAN BAGI TAHUN 2021

TAHUN	PUNGUTAN DUTI KASTAM KENDERAAN (RM Bilion)	PUNGUTAN DUTI KASTAM KENDERAAN DI PBC	
		(RM Juta)	%
2021	5.710	353.36	6.2

Sumber: Laporan Hasil Sistem Maklumat Kastam

1.4. Labuan dan Langkawi telah diisytiharkan sebagai PBC masing-masing pada 1 September 1956 bagi Labuan melalui Ordinan Kastam (Pindaan No. 2) 1956 dan 1 Januari 1987 bagi Langkawi melalui Akta Kewangan (No. 2) 1986.

1.5. Pengimportan kenderaan dari PBC ke Kawasan Utama Kastam (KUK) untuk tujuan pembayaran duti kastam adalah mengambil kira had usia kenderaan yang ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Teknik (PERTEK), JKDM Ibu Pejabat untuk mendapatkan pengecualian di bawah Butiran 84, Perintah Dut Kastam (Pengecualian) 2017. Tatacara penilaian ke atas kenderaan Completely Built-Up (CBU) yang diimport dan pemasangan

tempatan hendaklah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Pentadbiran Penilaian Kastam (SPPPK) yang dikeluarkan oleh Bahagian PERTEK, JKDM Ibu Pejabat.

1.6. Sebelum kenderaan boleh dibawa keluar ke KUK, permohonan taksiran duti kastam akan dikemukakan ke JKDM PBC berkenaan oleh pemilik kenderaan atau wakil yang diberi kuasa. Selepas mendapat keputusan penilaian, pengikraran hendaklah dibuat menggunakan Borang Pengakuan Barang-Barang untuk Diimport (Borang K1) dan mengikut jenis transaksi "FF - Import Vehicle From Duty Free Island (final)". Pembayaran duti kastam bagi kenderaan yang telah didaftarkan di PBC hendaklah dibuat di PBC berkenaan sebagaimana peruntukan di bawah subseksyen 159(a) dan seksyen 163F, Akta Kastam 1967 [*Akta 235*].

1.7. Seksyen 79 Akta 235 memperuntukkan bahawa pengikrar hendaklah membuat perakuan yang benar dan tepat bagi setiap pengimportan barang-barang berduti. Manakala Perenggan 5, Perintah Am Jabatan Bilangan 103 Tahun 2007 menjelaskan bahawa pegawai-pegawai yang berurusan dan mengendalikan pemprosesan borang-borang pengikraran Kastam hendaklah memastikan segala butiran dan maklumat yang dikehendaki telah dipenuhi dan dilengkapkan dengan tepat sebagaimana sepatutnya.

1.8. Subseksyen 13(1) dan (2) Akta 235 memperuntukkan kuasa membuat penilaian oleh pegawai kastam yang hak seperti berikut:

- a. Subseksyen 13(1) menyatakan bahawa pegawai kastam yang hak boleh menilai, menimbang, mengukur atau selainnya memeriksa, atau boleh menyebabkan dinilai, ditimbang, diukur atau selainnya diperiksa apa-apa barang-barang berduti atau tak berkastam bagi maksud menentukan duti kastam yang boleh dilevi ke atasnya; dan
- b. Subseksyen 13(2) pula menyatakan bahawa apabila suatu penilaian ke atas apa-apa barang-barang telah dibuat oleh pegawai kastam yang hak, penilaian itu hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya.

1.9. Butiran 84, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 menyatakan bahawa pengecualian duti kastam layak diberikan kepada pemilik kenderaan yang telah bermastautin di PBC melebihi dari satu tahun.

1.10. Perenggan 10.2, Perintah Tetap Kastam (PTK) Bilangan 78A menyatakan bahawa tatacara penilaian ke atas kenderaan CBU yang diimport dan pemasangan tempatan yang didaftar di PBC untuk tujuan pembayaran duti atau cukai hendaklah merujuk kepada SPPPK yang dikeluarkan oleh PERTEK.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan duti kastam yang telah dikenakan bagi kenderaan import yang dibawa keluar dari PBC ke KUK telah dilaksanakan dengan betul dan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di JKDM Langkawi dan JKDM Labuan. Analisis Audit dijalankan terhadap data daripada Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang dijana melalui Crystal Report dari bulan Januari hingga Disember 2021. Semakan lanjut dibuat terhadap Borang K1 dan dokumen sokongan yang berkaitan di Stesen Kastam Langkawi dan Labuan.

3.2. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 384 Borang K1 berjumlah RM37.66 juta atau 10.7% daripada RM353.36 juta duti kastam yang dikenakan ke atas kenderaan import di PBC bagi tahun 2021. Justifikasi pemilihan sampel adalah berdasarkan nilai duti kastam yang tertinggi. Selain itu, kaedah temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dijalankan bagi mendapatkan pengesahan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga Jun 2022. Maklum balas telah diterima daripada JKDM pada 6 Julai 2022, 25 Ogos 2022 dan 8 November 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam mesyuarat penutup yang diadakan pada 17 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1.

4.1. Duti Kastam Berjumlah RM72.32 Juta Terkurang Kutip

4.1.1. Perenggan 5.1.1, SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 yang berkuat kuasa pada 8 Februari 2021 menyatakan bahawa sebelum penilaian dibuat, pegawai penaksir perlu memastikan syarat-syarat kelayakan susut nilai dan diskaun pemilikan dipatuhi, antaranya pemilik telah bermastautin melebihi 12 bulan di PBC dan kenderaan tersebut bukan dimiliki oleh syarikat pemilik AP (Approved Permit) terbuka atau AP francais di PBC. SPPPK berkenaan turut mengandungi Lampiran E - Senarai Semak bagi Penilaian Kenderaan Motor Pasang Siap dari PBC ke KUK untuk diisi oleh pegawai penaksir semasa melaksanakan penilaian.

4.1.2. Perenggan 4.6, SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 menyatakan pembuktian mastautin seperti berikut:

- a. perenggan 4.6.1 - Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan yang beralamat di PBC atau mana-mana dokumen yang boleh membuktikan pemilik kenderaan bermastautin di PBC. Contoh: bil-bil utiliti seperti bil elektrik atau bil air atas nama pemilik kenderaan; dan
- b. perenggan 4.6.2 - Surat akuan majikan tempat pemilik kenderaan bekerja atau Surat Akuan Bersumpah tempat tinggal pemilik kenderaan di PBC yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.

4.1.3. Perenggan 5.1.2.7, SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 menyatakan pemilik kenderaan yang disahkan memiliki dan menggunakan kenderaan tersebut di PBC adalah layak diberi pengurangan sebanyak 25% sekiranya memiliki dan menggunakan kenderaan tersebut kurang dari dua tahun atau 35% sekiranya memiliki dan menggunakan kenderaan tersebut lebih dari dua tahun.

4.1.4. Perenggan 5.1.3, SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 menyatakan bagi kes-kes yang tidak memenuhi syarat, penilaian hendaklah dibuat tanpa mengambil kira susut nilai serta diskaun pemilikan dan penggunaan.

4.1.5. Semakan Audit mendapati 102 daripada 384 Borang K1 bagi kenderaan yang dibawa keluar dari PBC ke KUK untuk tujuan pembayaran duti tidak mematuhi syarat pemastautin dan pemilikan kenderaan, manakala satu Borang K1 tersalah pengiraan duti eksais seperti di perenggan berikut:

a. Syarat Pemastautin dan Pemilikan Kenderaan Tidak Dipatuhi

- i. Sebanyak **100 Borang K1 tidak disokong dengan dokumen pembuktian taraf pemastautin** oleh pemilik kenderaan, iaitu salinan kad pengenalan pemilik kenderaan yang beralamat di PBC atau bil utiliti atas nama pemilik kenderaan. Hanya surat akuan sumpah dikemukakan. Selain itu, **dua Borang K1 pula tidak mematuhi syarat pemilikan kenderaan, iaitu kenderaan tersebut dimiliki oleh syarikat pemilik AP terbuka atau AP francais di PBC.** Semakan Audit juga mendapati senarai semak seperti di Lampiran E, SPPPK tidak digunakan semasa proses penilaian dibuat.

- ii. Bagi kes-kes yang tidak memenuhi syarat ini, **JKDM telah membuat penilaian duti import dengan mengambil kira susut nilai serta diskaun pemilikan dan penggunaan.** Perkara ini menyebabkan **duti kastam yang dikenakan telah berkurang kutip berjumlah RM72.17 juta.** Antara punca yang dikenal pasti adalah proses penilaian dibuat berdasarkan surat akuan sumpah yang dikemukakan semasa proses pendaftaran kenderaan import dari luar negara ke PBC. Proses pendaftaran kenderaan dengan proses penilaian kenderaan merupakan dua proses berlainan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.2.**

JADUAL 1.2
PERBEZAAN PENGIRAAN DUTI IMPORT

DUTI SEPATUTNYA DIKENAKAN (RM Juta)	DUTI YANG DIKENAKAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
99.63	27.46	72.17

Sumber: Pengiraan Audit berdasarkan maklumat dalam SMK

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 55 Borang K1 menggunakan alamat yang sama pada surat akuan sumpah. Pemeriksaan fizikal pihak Audit terhadap tiga lokasi mendapati alamat yang digunakan pada surat akuan sumpah merupakan alamat syarikat pengimport, bukannya alamat pemilik kenderaan.
- iv. Semakan lanjut dengan syarikat utiliti terhadap 79 bil utiliti yang dikemukakan oleh JKDM pada 14 September 2022 dan 18 September 2022 mendapati hanya enam bil atas nama syarikat pengimport telah disahkan betul oleh syarikat utiliti, manakala bagi 73 bil lagi, nama dan alamat bil berbeza dengan rekod di syarikat utiliti. Selain itu, 25 Borang K1 disokong oleh perjanjian sewa rumah di mana tiga alamat yang sama digunakan oleh sembilan pemilik kenderaan.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 6 Julai 2022

JKDM akan membuat kajian semula ke atas PTK 78A dan SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 supaya selaras dengan kehendak perundangan semasa.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 25 Ogos 2022

SPPPK Bilangan 5 Tahun 2021 menyatakan keperluan dokumen yang boleh membuktikan pemilik kenderaan bermastautin di PBC sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4.6. Oleh yang demikian, JKDM menerima surat akuan bersumpah yang dikemukakan oleh pemilik kenderaan pada masa pendaftaran dibuat kerana maklumat di dalam surat akuan bersumpah tersebut mengandungi butiran seperti alamat kediaman di PBC yang dapat membuktikan pemilik bermastautin di PBC. Sehubungan dengan itu, syarat 4.6.1 dan 4.6.2 telah dipatuhi.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 8 November 2022

Bagi kes dua Borang K1 yang tidak mematuhi syarat pemilikan kenderaan, semasa taksiran dibuat semakan ke atas dokumen dan sijil pemilikan kenderaan mendapati kenderaan telah didaftarkan ke atas pemilikan persendirian kelas kegunaan: Persendirian-motokar syarikat. Berdasarkan ini, syarikat diberikan diskaun pemilikan dan penggunaan. Hasil siasatan lanjut JKDM mendapati bahawa pemilik kenderaan adalah masing-masing pemegang AP terbuka dan AP francais.

Kaedah yang diguna pakai bagi tujuan menentukan nilai kastam adalah berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 142(35b) Akta 235, iaitu mengikut Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.

Lampiran E diwujudkan secara pentadbiran sebagai panduan sahaja kepada pegawai semasa proses penilaian dibuat.

Pernyataan Audit	Penilaian duti kastam tidak dapat dibuktikan mengikut proses semakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pengesahan taraf pemastautin semasa proses pembayaran duti kastam kenderaan adalah proses kerja yang berbeza dengan pengesahan taraf pemastautin semasa proses pendaftaran kenderaan. Selain itu, penggunaan dokumen sokongan yang tidak tepat telah menyebabkan duti kastam berkurang kutip.
-----------------------------	--

b. Pengiraan Duti Eksais yang Tidak Tepat

- i. Perenggan 2, Perintah Duti Eksais (PDE) 2017 menerangkan bahawa duti eksais hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengilang atau pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan di Malaysia atau diimport

ke dalam Malaysia yang disenaraikan dalam ruang (3) Jadual PDE 2017 pada kadar penuh yang dinyatakan dalam ruang (5) perintah yang sama.

- ii. Semakan Audit terhadap sampel borang yang dikemukakan mendapati satu Borang K1 (Borang K1: E1010600268) telah **tersilap pengiraan duti eksais yang menyebabkan duti kastam berkurang kutip sebanyak RM146,824**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan formula yang digunakan oleh pegawai penaksir di JKDM Labuan. Antara punca yang dikenal pasti adalah kesilapan formula pada lembaran Microsoft Excel yang digunakan untuk pengiraan taksiran.

Maklum balas JKDM yang diterima pada 6 Julai 2022

JKDM mengambil maklum kesilapan pengiraan duti eksais seperti mana dibangkitkan. Kekurangan duti kastam tersebut telah dipungut selepas teguran Audit.

Pernyataan Audit	Pengiraan duti eksais yang tidak tepat menyebabkan duti kastam yang ditaksir telah berkurang kutip berjumlah RM146,824.
-----------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam kutipan duti kastam bagi kenderaan import di PBC menyebabkan ketirisan duti kastam berjumlah RM72.32 juta. Perkara ini disebabkan oleh borang pengikraran tidak disokong dengan dokumen sokongan taraf pemastautin yang lengkap dan betul serta kesilapan pengiraan oleh pegawai penaksir.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peraturan dipatuhi sepenuhnya, JKDM disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. membuat semakan semula terhadap syarat-syarat pembelian kenderaan di PBC supaya memberi faedah kepada Kerajaan;
- 6.2. Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan garis panduan yang dikeluarkan dipatuhi, terutamanya semasa membuat penilaian taksiran manakala Bahagian Perkastaman hendaklah menjalankan pengauditan selepas pelepasan barangan import;

6.3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya pegawai di bawah seliaannya melaksanakan tugas dengan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa untuk memastikan duti kastam dibayar adalah tepat; dan

6.4. menambah baik peraturan yang berkaitan untuk memastikan keseragaman dalam membuat penilaian ke atas kenderaan motor pasang siap yang dibawa keluar dari PBC ke KUK untuk mencegah daripada ketirisan hasil negara.